



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 16 TAHUN 2024**

**GARIS PANDUAN
PENAWARAN KURSUS ELEKTIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
10 September 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10 September 2024

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 16 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-237 Bilangan 9/2024 yang bersidang pada 10 September 2024 telah meluluskan **Garis Panduan Penawaran Kursus Elektif Universiti Pendidikan Sultan Idris**.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Penawaran Kursus Elektif kepada pelajar di peringkat pengajian prasiswazah dan pascasiswazah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) serta Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency, MQA*).

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Garis Panduan ini dapat memberikan butiran penerangan tentang Kursus Elektif yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- 3.2 Garis Panduan ini terpakai untuk program akademik yang dijalankan oleh Fakulti/ PTj di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah UPSI tertakluk kepada Standard Program Umum dan Bidang yang dikeluarkan oleh MQA serta badan profesional.

3.3 Garis panduan ini akan memberi fokus kepada **tiga (3) perkara utama** iaitu:

- i. Konsep Kursus Elektif;
- ii. Kriteria Penawaran Kursus Elektif Program; dan
- iii. Kriteria Penawaran Kursus Elektif Terbuka

4.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan **Garis Panduan Penawaran Kursus Elektif Universiti Pendidikan Sultan Idris** seperti di **Lampiran A**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 September 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 10 September 2024

LAMPIRAN A